

Seorang maut dihempap pokok

10 kenderaan
remuk teruk
pokok besar
tumbang atas
jalan raya

Safeek Affendy Razali
dan Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Seorang maut, manakala seorang lagi cedera dalam kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail berhampiran sebuah hotel di sini, semalam.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur menerima panggilan kejadian jam 2.19 petang.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Kuala Lumpur, M Fatta M Amin berkata, sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah dikejarkan ke lokasi sejurus menerima panggilan itu.

Beliau berkata, tiga jentera bantuan dari Balai Bomba dan

Penyelamat Titiwangsa, Jalan Tun Razak dan Sentul turut dihantar ke lokasi membabitkan kekuatan keseluruhan seramai 27 pegawai serta anggota.

“Sebaik tiba di lokasi mendapati terdapat pokok besar tumbang di atas jalan raya dan sebanyak 17 kenderaan terbabit.

“Landasan monorel di sebelah atas turut dihalang dengan dahan pokok dan beberapa fasiliti awam termasuk perhentian bas rosak,” katanya, semalam.

M Fatta berkata, operasi menyelamatkan dua mangsa berjaya dikeluarkan oleh anggota.

“Mangsa pertama seorang lelaki berusia 47 tahun disahkan meninggal dunia oleh pihak perubatan, manakala mangsa kedua lelaki berusia 26 tahun mengalami kecederaan,” katanya.

Berdasarkan beberapa video yang tular, pokok menghempap hampir 10 kenderaan sehingga menyebabkan remuk teruk.

Saksi dengar dentuman kuat

Sementara itu, Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) dalam kenyataan semalam, berkata tiada perkhidmatan antara Stesen KL Sentral dan Stesen Medan Tuanku,



Pokok tumbang yang menyebabkan seorang maut dan 10 kenderaan remuk di Jalan Sultan Ismail, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

dan pihaknya mengaktifkan perkhidmatan tren antara Titiwangsa dan Medan Tuanku (Platform 1) serta bas perantara pergi dan balik dari KL Sentral ke Medan Tuanku.

“Pihak Rapid KL sedang bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

untuk menyelesaikan gangguan tersebut secepat mungkin. Buat masa ini anggota polis dan bomba sedang mengawal keadaan lalu lintas di tempat kejadian,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, seorang saksi kejadian itu, Adey Iskandar Jalaluddin, 47 berkata, beliau de-

ngar dentuman yang kuat sebelum nampak sebatang pokok tumbang menghempap beberapa kenderaan.

Pegawai bank itu berkata, ketika kejadian kira-kira 2 petang, beliau berada di pejabatnya yang terletak berhampiran lokasi di Jalan Sultan Ismail.